

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN PENGUATKUASAAN BERSEPADU DAN LAWATAN PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2020

KUALA LUMPUR, 20 Januari 2020 – YB Datuk Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini melancarkan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu atau *Integrated Enforcement Management System* (IEMS) dan turut mengadakan lawatan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2020.

Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu telah dibangunkan pada Ogos 2019 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dengan melakukan perubahan ke atas sistem penguatkuasaan di Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP. Pembangunan fasa 1 sistem ini merupakan penambahbaikan ke atas kaedah pemeriksaan dan pengkompaunan yang mana ia membantu melaksanakan pengurusan penguatkuasaan secara menyeluruh berdasarkan 11 akta yang dikuatkuasakan di bawah seliaan KPDNHEP.

Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu mula digunakan sepenuhnya pada hari ini di seluruh Malaysia; ibu pejabat KPDNHEP dan 72 cawangan Bahagian Penguatkuasa di setiap daerah di Malaysia. Inisiatif ini dilihat mampu memberi impak positif terhadap pengurusan penguatkuasaan secara dalam talian kerana ia membolehkan kompaun dikeluarkan secara elektronik dan bersistematik, ia turut membolehkan pelaporan diperolehi dan dikemaskini dalam tempoh 24 jam berbanding satu hingga dua minggu sebelum ini, seterusnya meningkatkan produktiviti serta kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa KPDNHEP dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan yang mana akan meningkatkan kebolehpercayaan orang awam dalam menangani persepsi negatif.

Pembangunan sistem ini juga adalah berdasarkan statistik jumlah pemeriksaan premis dan kompaun yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa daripada tahun 2016 sehingga 2019 secara manual yang menunjukkan peningkatan setiap tahun.

BIL.	PERKARA	JUMLAH			
		2016	2017	2018	2019
1	Bil. Pemeriksaan Tahunan	2016	2017	2018	2019
		793,279	567,905	651,075	838,369
2	Jum. Kutipan Kompaun	4,513,390	5,152,536	3,884,650	3,467,181
3	Jum. Pemeriksaan	2,850,628			
4	Purata Pemeriksaan (Tahunan)	712,657			
5	Purata Pemeriksaan (73 cawangan)	9,762			
6	Kos 1 buku KPP (50 KPP)	RM11.00			
7	Purata Kos Keseluruhan Buku KPP (2016-2019)	RM627,138.16			

Pada 15 Januari yang lalu, pihak Kementerian telah membuat pengumuman harga maksimum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2020. Susulan itu, lawatan pada hari ini adalah bertujuan untuk membuat tinjauan ke atas peniaga sempena pelaksanaannya. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada rakyat tentang langkah Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barangan.

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi yang berteraskan pasaran bebas di mana kuasa pasaran (*market force*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Pasaran sepatutnya bebas bergerak di mana pengeluar menghasilkan barangan berdasarkan keperluan pengguna dan ini seterusnya meningkatkan permintaan kepada barangan berkenaan.

Disamping itu, harga barangan di pasaran ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Oleh yang demikian, penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain. Sebarang campur tangan kerajaan secara berlebihan pula dianggap akan menjejaskan kecekapan ekonomi dan akhirnya menyebabkan timbul masalah lain seperti kekurangan pelaburan yang akan menjejaskan penawaran bekalan barang tertentu seterusnya memberi impak kepada harga.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan sentiasa mengambil usaha dan langkah untuk menstabilkan harga barangan keperluan terutamanya semasa rakyat menyambut musim perayaan.

Justeru itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina (SHMMP TBC) bermula dari 20 Januari hingga 2 Februari 2020. Tempoh kuatkuasa skim ini adalah selama 5 hari sebelum hari perayaan, 1 hari pada hari perayaan dan 8 hari selepas hari perayaan. Hari ini merupakan hari pertama pelaksanaannya di seluruh negara.

SENARAI BARANGAN KAWALAN

Pada perayaan ini, sebanyak 16 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP Tahun Baru Cina 2020 berbanding 13 jenis barangan sebelum ini. Pertambahan barangan melibatkan cili merah, tomato dan ubi kentang import (China). Kategori barangan harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, sayuran, barang kering, hasil laut dan daging babi bagi pelaksanaan skim pada tahun ini.

Senarai harga barangan harga terkawal bagi SHMMP TAHUN BARU CINA 2020 adalah seperti berikut:

- 1) **Ayam hidup**
- 2) **Ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)**
- 3) **Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)**
- 4) **Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram dan 69.9 gram sebiji)**
- 5) **Telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram dan 64.9 gram sebiji)**
- 6) **Telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram dan 59.9 gram sebiji)**
- 7) **Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)**
- 8) **Cili merah**
- 9) **Tomato**
- 10) **Ubi kentang import (China)**
- 11) **Bawang putih (China)**
- 12) **Ikan bawal putih (berat antara 200 gram hingga 400 gram seekor)**
- 13) **Udang putih besar (berat antara 41 hingga 60 ekor sekilogram)**
- 14) **Babi hidup**
*(*Harga maksimum di peringkat ladang sahaja)*
- 15) **Daging babi (perut)**
- 16) **Daging babi (daging dan lemak)**

Penentuan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga yang lebih berkesan untuk memastikan harga yang berpatutan bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak.

Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara.

Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
 - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan adalah mencukupi dan memastikan harga dipasaran adalah berpatutan. Disamping itu, Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasaraya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan. Langkah-langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan.

Kementerian turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i) Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Kementerian;

- ii) Rakan KPDNHEP yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan

- iii) Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan pegawai dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan.

Selain itu, Kementerian telah menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. Kementerian turut mewujudkan Skwad Tindakan Aduan Rakyat (STAR) dalam usaha untuk menangani aduan rakyat dengan lebih berkesan.

Peniaga hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka. Disamping itu, ingin saya ingatkan agar Pengeluar, Pemborong dan Peruncit tidak menaikkan harga secara mendadak selepas berakhirnya pelaksanaan Skim ini. Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian ini melalui:

- (i) Portal e-aduan.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>)
- (ii) Call Centre 1800 886 800
- (iii) Emel : e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (iv) Aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDNHEP
- (v) Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088
- (vi) Talian 03-8000 8000 Malaysia Government Call Centre (MYGCC)
- (vii) Whatsapp ke 019- 279 4317
- (viii) lapor/hadir ke mana-mana 73 buah pejabat KPDNHEP di seluruh negara.

###
